

15 OCT 2002

MAHATHIR-PASARAN/I

MAHATHIR HARAP LETUPAN DI BALI TIDAK JEJAS PASARAN EKUITI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa letupan bom hujung minggu lalu di Bali berkemungkinan menjejaskan iklim pelaburan, tetapi berharap ia tidak menjejaskan teruk pasaran ekuiti Malaysia.

"Kita berharap kesannya ke atas Malaysia tidak terlalu banyak, seperti anda boleh lihat (peristiwa di Bali) telahpun menjejaskan bursa-bursa saham di seluruh dunia," katanya semasa ditanya mengenai akibat peristiwa itu ke atas rantau ini dan juga ke atas pertumbuhan pelaburan dan pasaran saham Malaysia selepas merasmikan satu persidangan nuklear antarabangsa di sini.

Serangan bom di sebuah bar di pantai Kuta di pusat pelancongan pulau itu hujung minggu lalu yang dilaporkan membunuh 187 orang, telah menjejaskan teruk bursa-bursa serantau dengan tanda aras Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur menurun 7.77 mata atau 1.22 peratus kepada 630.01 semalam.

Pada pukul 12.30 tengah hari ini, IK rugi 7.54 mata kepada 622.47 selepas dibuka satu mata lebih tinggi kepada 630.20.

Bursa Saham Jakarta jatuh 9.2 peratus kepada 341.85 dalam dagangan sepanjang hari semalam, paras terendahnya dalam 18 bulan manakala rupiah menjunam ke paras terendah lima bulan kepada 9,350 rupiah berbanding dolar AS.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia telah mengambil beberapa usaha dalam mencari jalan untuk mengembangkan pertumbuhan ekonomi di dalam negeri.

Terdahulu di dalam ucapan beliau pada perasmian Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 (INC), Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus memperuntukkan pembiayaan yang perlu bagi Institut bagi Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) untuk memperkukuhkan lagi kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktivitinya.

Adalah diharapkan agar pembinaan kapasiti seumpama itu dalam penyelidikan dan pembangunan akan membantu mencapai wawasan Malaysia untuk berubah menjadi negara maju sepenuhnya.

R&D seumpamanya telah menyumbang kepada pembangunan produk-produk baru, proses-proses dan perkhidmatan yang telah memanfaatkan industri-industri tempatan tertentu dalam beberapa sektor ekonomi, terdiri daripada pembuatan, carigali dan penapisan minyak, perlombongan, perubatan dan penjagaan kesihatan dan juga industri telekomunikasi.

Beliau bagaimanapun, menyatakan bahawa terdapat kesangsian ditujukan kepada sesetengah negara khususnya negara-negara Islam, yang berkemungkinan mengakibatkan mereka tidak mendapat kemudahan-kemudahan kepada bahan-bahan dan teknologi bagi kegunaan yang aman.

Lebih memburukkan lagi, katanya, terdapat kecenderungan bagi sesetengah negara menghakimkan yang lain secara berat sebelah sebagai membangun atau menyimpan hasrat untuk membangunkan senjata-senjata nuklear, tanpa menghiraukan kepada dapatan-dapatan, atau perlindungan kepada pihak berkuasa agensi-agensi pelbagai hala itu yang telah diberi kuasa untuk membuat penghakiman seumpama itu.

"Seterusnya, kita juga telah melihat bagaimana berat sebelahnya penghakiman sehala itu.

"Sekiranya negara-negara yang membangunkan senjata-senjata itu adalah sekutu, tiada tindakan diambil untuk membendung pembangunan dan pemilikan atau menguatkuasakan kawalan eksport. Jika bukan sekutu, kekuatan penuh

ketentaraan dan kemarahan negara-negara itu akan dibawa untuk dikenakan ke atas negara-negara berkenaan," tambah beliau. -- BERNAMA

WNZ MR OS